

ISSUE #66/1 MAC 2026

# GEMPAK.

WWW.GEMPAK.COM

WEEKLY EDITION



## RE-CULTURE:

PECAH DOMINASI, LAHIR JUARA BAHARU

# GMWA 2025

Edisi Paling  
Cemerlang,



## Merqueen Paling Gempak!



Edisi keempat Gempak Most Wanted Awards 2025 (GMWA) yang berlangsung di MBSA, Shah Alam pada 15 Februari lalu bukan penganjuran acara hiburan yang berpandukan populariti semata-mata.

Ya, GMWA pada asasnya adalah penganjuran acara yang mengajak peminat mengundi dan memilih selebriti serta mempengaruhi kesayangan mereka untuk diiktiraf menjadi 'terpaling gempak' selepas hasil kerja dituai sepanjang tahun.

Namun berbanding tiga penganjuran sebelum ini, GMWA 2025 atau edisi keempat telah mencetak sejarah tersendiri apabila menyaksikan keberagaman dan pecahnya dominasi pengundian terhadap hanya seorang figura untuk menang berulang kali.

Pada edisi keempat yang mengangkat tema re-culture ini, ramai calon yang pertama kali terlibat membawa pulang trofi kemenangan ; diundi bukan hanya kerana pengaruh tetapi impak konten yang telah memberi anjakan kepada peminat.

Mereka termasuklah usahawan dan mempengaruhi berbangsa Cina, Christy Ng, Nigel Sparks dan Jason yang membawa pulang trofi kategori masing-masing seiring pemenang lain seperti Wani Faizun, ALPHA dan Merqueen.



Berikut 12 pemenang utama GMWA 2025 yang kebanyakannya pertama kali dinobatkan sebagai terpinggempak.

## Merqeen

Membawa pulang dua anugerah iaitu Selebriti Tergempak 2025 yang merupakan anugerah tertinggi dalam GMWA dan bakat lakonannya diiktiraf lewat drama lakonan yang bertajuk Thariq Ridzuwan bagi kategori Drama Tergempak 2025 selepas empat tahun tercalon membuktikan bakat dan sinar Merqeen masih diikuti rapat peminatnya.

Bintang berusia 24 tahun ini sebelum dijulang peminat sebagai terpinggempak untuk edisi tahun ini mengaku tidak memburu kemenangan atau trofi dalam GMWA 2025.

Sebaliknya kata Merqeen dia hadir sebagai tanda sokongan bukan hanya kepada penganjur acara tetapi menghargai peminat yang tidak pernah berhenti menyokong jalan kariernya.

"Saya datang tanpa ekspektasi untuk menang. Saya datang untuk sokong kecintaan dan hasil kerja orang-orang seni dan belakang tabir.

"Bagi saya trofi akan jadi pencapaian saya. Tapi untuk saya, trofi sebenar adalah peminat saya. Trofi sebenar adalah apabila peminat sukakan kita dan jika tidak, maka itu bukan trofi untuk saya," katanya.

Dan pada acara kemuncak GWMA 2025, Merqeen nampaknya memenangi kedua-dua trofi ; ukuran kerja keras dan juara di hati 2.5 juta peminat.

## ALPHA

ALPHA ternyata terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri seni dengan dua kemenangan yang cukup besar menerusi pencalonan perdana di GMWA 2025 selepas melangkah keluar daripada program Big Stage Alpha.

Setelah membikin heboh pentas GMWA 2025 menerusi persembahan mereka, kerja keras ALPHA terbayar tuntas dengan kemenangan dua anugerah untuk cukup menjadi pemanis untuk awal tahun 2026.

Lagu Mona Lisa (Bang Bang) yang merupakan single pertama mereka dijulang sebagai Lagu ERA Tergempak 2025. Video Muzik P Ramlee Saloma pula diiktiraf dengan anugerah Video Muzik Tergempak 2025, membuktikan kerja keras mereka berbaloi.

"Ini hadiah buat peminat," ujar tujuh anak muda yang telah mencetus fenomena boy band alaf kini ringkas penuh teruja.



## Christy Ng

Usahawan yang terkenal dengan hati murni terhadap pekerjaannya apabila sentiasa berkongsi rezeki terutama makanan percuma di premisnya mengaku terkejut dapat memenangi hati peminat lalu menobatkannya sebagai penerima anugerah Digital Creator (Entertainment) Tergempak 2025.

Menurut Christy, konten yang mula dibuat secara konsisten sejak lewat 2024 banyak membantu bisnes yang diusahakan berkembang sehingga boleh membuka lima outlet di Indonesia dan bakal membuka lima lagi dalam masa terdekat.

“Sebenarnya saya sudah lama tahu ada GMWA tapi tidak pernah tercalon. Saya datang untuk sokong dan tidak sangka menang. Jadi saya harus akui semua konten yang dibuat memberi impak besar terutama kepada perniagaan saya,” kata Christy.

## Nigel Sparks

Dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Digital Creator (Beauty & Fashion) Tergempak 2025, Nigel Sparks menyifatkan pengiktirafan yang diberi sebagai pemangkin untuk melahirkan konten asli dan positif kepada masyarakat.

“Jangan cakap abang tak payung, maka abang akan payung yang lebih ons selepas ini,” ujar Nigel teruja.

Kemenangan Nigel malah menyaksikan undian peminat tidak bersifat perkauman sebaliknya mencari kualiti dan konten asli yang ‘dekat’ serta dapat menjadi inspirasi.

## Jason

Meski tidak dapat hadir pada malam kemuncak GMWA 2025, Jason tetap dinobatkan sebagai pemenang anugerah Digital Creator (Foodie) Tergempak 2025 sekali gus membuktikan corak sama seperti kemenangan Nigel Sparks dan Christy Ng bahawa minat dan keaslian sokongan tidak boleh ditentukan oleh penganjur.

GMWA 2025 menjadi bukti figura atau pempengaruh yang meninggalkan impak paling baik, positif dan menyenangkan akan menjadi pilihan walaupun berbeza warna kulit, fahaman agama mahupun tidak pernah bertegur sapa.



## Wani Faizun

Pertama kali tercalon dan menang dalam GMWA 2025 bukanlah apa yang pernah terlintas dalam fikiran wanita kecil molek yang menyebarkan konten 'di luar kotak' di platform media sosialnya, terutama TikTok, Wani Faizun.

Wani yang juga merupakan seorang guru Kafa membawa pulang anugerah Anugerah Digital Creator (Lifestyle) Tergempak 2025 menerusi konten 'bertukang' dan membuat rumah.

Ya, melihat kepada sosok tubuh dan santunnya seorang Wani, tidak dapat menebak konten lifestyle yang dikongsi sejak 2021 adalah berkaitan kerja kasar yang selalunya dilakukan oleh orang lelaki.

"Tapi saya buat sebab suka. Saya memang ada asas bertukang dan kemudian mula membuat rumah ini satu percubaan sahaja. Memang sukar dan penat tapi sangat berbaloi apabila melihat proses dari kosong sehingga hasil yang dimahukan jadi," katanya mengenai konten membina rumah.

Dan setelah menang, Wani dengan senyum paling lebar menyuarakan: "Saya tidak sangka tapi semoga konten yang bukan agak luar biasa kepada orang lain ini mampu menjadi inspirasi. Saya akan cuba untuk menghasilkan konten secara konsisten selepas ini."

## Sir Badang

Dengan motto Education Must Win, pempengaruh yang juga seorang guru, Sir Badang diangkat sebagai pemenang Digital Creator (Motivation & Education) Tergempak 2025 (Sir Badang).

Lebih manis, kemenangan tersebut membuatkan Sir Badang menggotakan janjinya membantu pelajar.

"Saya akan adakan seminar percuma buat pelajar-pelajar di seluruh Malaysia. Kemenangan ini adalah untuk semua pelajar dan kami akan terus menyebarkan konten bermanfaat buat semua. Kami sangat menghargai sokongan kalian, terima kasih banyak," katanya teruja.

Kemenangan Sir Badang yang hadir berbusana 'pahlawan Melayu' menjadi penanda aras bahawa GMWA bukan berpaksikan hiburan semata-mata. Sebaliknya kemenangan Sir Badang memperlihatkan bagaimana konten bersifat literasi sangat diperlukan pada masa kini sehingga ia mampu menewaskan pencalonan lain.

## Hakim Nanyan

Membawa pulang trofi Digital Creator (Sports) Tergempak 2025, Hakim Nanyan, telah memecahkan dominasi kemenangan yang pernah dipertahankan rakan seperjuangan, Pok Ro selama dua edisi sebelum ini.

Kemenangan Hakim juga memberi 'warna' dalam dunia konten pempengaruh terutama dalam e sports yang memang menjadi trend tontonan dalam kalangan generasi masa kini.

"Sebenarnya berbaloi buat saya sebab setiap malam semasa melakukan penstriman, saya memang minta peminat undi saya.

"Tapi saya tak sangka peminat betul-betul undi sehingga saya membawa pulang trofi ini. Pertama kali tercalon dan pertama kali menang adalah pengalaman yang baik buat saya. Saya mahu dedikasikan kemenangan ini juga buat semua pemain e sports. Kita ada tempat untuk kita," katanya gembira.



## Safwan Nazri

Safwan Nazri umpama menepati ramalan apabila membawa pulang Program Digital Tergempak 2025 (Safwan Nazri Podcast) kerana sememangnya konten seram yang dikongsikan lelaki ini sentiasa trending di media sosial.

Pempengaruh berusia 31 tahun ini malah mengaku kemenangan untuk Sembang Seram - Jihaa Sham berbaloi meski isteri dan anaknya pernah diganggu makhluk halus.

Malah ia lebih berbaloi kerana permulaan podcast tersebut tercetus selepas Safwan kurang mendapat tawaran berlakon.

"Alhamdulillah memang tahun ini saya target mahu menang kerana tahun lalu sudah kecundang," katanya sambil disambut Safwan.

Tanpa merendahkan pencalon dan program digital lain, Safwan berasa podcast miliknya muncul juara kerana 'views tidak menipu'.

"Sejujurnya saya terkejut juga ramai yang tunggu dan ingin menonton Sembang Seram. Views tidak menipu, jadi itu (menang). Syukur," katanya lagi.

## Thariq Ridzuwan: His Treasure

Pengarah Eyra Rahman pula mengakui dia tidak menjangkakan drama arahnya akan memenangi anugerah Drama Paling Tergempak 2025 di malam kemuncak Gempak Most Wanted 2025.

"Saya memang tak jangka untuk Thariq Ridzuwan untuk menang. Sebab pada saya, banyak lagi calon-calon drama yang hebat. Tapi apa-apa pun, saya sangat bersyukur dengan izin Allah. Alhamdulillah.

"Untuk yang nombor dua tu, saya tak ada hak untuk menjawab tu. Pada saya, Alhamdulillah, kalau ada rezeki, sambung nombor dua," katanya.

## Amelia Henderson

Dinobat sebagai Hos Program Digital Tergempak 2025, Amelia Henderson selayaknya membawa pulang trofi tersebut berkat kerja keras dan kualiti pengacaraan yang dikemudi terutama menerusi podcast miliknya.

Menurut Amelia yang juga aktif sebagai pelakon, anugerah yang dimenangi akan membantu dirinya bekerja lebih keras kerana tidak mahu mensia-siakan kepercayaan peminat yang sentiasa menyokong kariernya.

"Saya macam tidak percaya dan melihat kemenangan ini sebagai penghormatan buat kerja saya selama ini," katanya yang juga telah mengacara program Gempak Most Wanted sejak lebih empat tahun lalu.

Apapun syabas buat semua pemenang dan tahniah untuk pengundi yang menjalankan tanggungjawab dengan rasional dan bijak. Sampai jumpa lagi di edisi tahun hadapan. Pasti akan lebih tergempak!



## Menteri Pun Guna Tagline 'Jannnjihh', Mad Nor: "Takut Juga Kita..."

Pempengaruh media sosial Muhammad Noor atau mesra dipanggil Mad Nor kini menjadi salah seorang pempengaruh yang cukup sohor kini dengan perkataan Jannjihh.

Perkataan tersebut diguna pakai secara berleluasa oleh golongan selebriti sehingga rakyat marhaen. Semuanya selepas Mad Nor menegur dan berkongsi tips buat generasi kini atau Gen Z serta B40 tentang cara pengurusan kewangan yang stabil.

Bercakap tentang perkongsian yang menerima sambutan positif serta perkataan jannnjihh yang 'mendunia', Mad Nor mengaku tidak sangka ia menjadi perkongsian yang paling 'heboh' sehingga trending pernah dilakukannya.

"Biasanya isu viral atau tular ini ada limitasi tapi tentang isu literasi kewangan ini, berbulan-bulan, panjang," kata Mad Nor membuka bicara sewaktu ditemui pada malam kemuncak Gempak Most Wanted Awards 2025 hujung minggu lalu.

Menurutnya perkongsian literasi kewangan yang dibuat tercetus selepas ada yang bertanya bagaimana dia boleh yakin berhenti kerja sedang pada masa yang sama sudah berkahwin dan memiliki tiga anak.

Dan kata Mad Nor, tujuan asal perkongsian dibuat juga tidak bersifat peribadi tetapi sebagai peringatan untuk semua termasuk dirinya.

"Tujuan asal bukan nak kata Gen Z atau B40 ke tidak okay dalam bab literasi kewangan tetapi lebih kepada menyelamatkan mereka daripada melakukan kesilapan yang sama macam kita dulu.



"Jadi asal usul tercetusnya perkongsian ini sebab ada yang tanya kenapa saya berhenti kerja, ada isteri, ada tiga anak berhenti kerja.

"Apa yang saya ingin sampaikan, di sebalik semua ini penting kena ada saving atau tabungan yang kukuh dan boleh buat pilihan," katanya panjang lebar.

Berhenti kerja kerana tidak mampu menjalankan dua perkara sekaligus termasuk menyambung pengajian di peringkat sarjana sejak tahun lalu, Mad Nor memberitahu dia juga terkejut kerana bukan hanya perkongsian literasi kewangan yang menjadi tular tetapi tagline jannnjihh turut 'mendunia'.

"Ya, perkataan 'jannjihhh' sampai menteri pun ikut guna. Takut kita wak," katanya sambil ketawa seraya menyambung: "Kuncinya juga adalah tentang bagaimana kita approach.

"Bukan ke arah personal tapi lebih kepada prihatin. Dan sangat mengejutkan saya menerima banyak DM termasuk daripada ibu bapa yang ucap terima kasih atas perkongsian saya kerana ramai yang sudah mula menabung.

"Sampai ada yang kata 'kami ibu bapa cakap tak nak dengar, Mad Nor cakap, kau dengar pula'." - MALIAH SURIP



## Hanya Belajar Dari YouTube, Wani Faizun Kini Tukang Rumah Wanita Moden Tergempak

Orangnya kecil molek, tutur bahasa juga lemah lembut — cukup ironi daripada pekerjaan yang ditekuni kini, tukang rumah wanita Melayu moden. Kerja-kerja tangannya disifatkan kasar buat seorang wanita pada zaman banyak anak generasi kini melakukan kerja di pejabat, misalnya.

Hasil kerja tangan wanita yang dikenali dengan nama komersial Wani Faizun ini malah disukai oleh lebih 11 juta pengguna TikTok, dengan akaun miliknya diikuti lebih 77,000 pengikut yang sentiasa menantikan proses terkini dia membuat rumah.

Lebih menarik, Wani Faizun mendalami dan memperhalusi seni bertukang terutama membuat rumah menerusi YouTube.

"Sebelum buat kerja rumah, saya memang bertukang kayu. Jadi sudah ada sedikit kemahiran bertukang.

"Cuma untuk membuat atau bina rumah, saya belajar daripada YouTube. Jadi saya lebih kepada cuba dan buat," ujar Wani membuka bicara.

Malah wanita ini mengakui, pada awal pembabitan aktif 'bertukang' dan membuat rumah, idea tersebut tidak begitu mendapat sokongan daripada kedua ibu bapanya.

Namun kesungguhan, minat dan respons yang diperoleh dalam kalangan pengguna media sosial yang mengikuti rapat kerja tangannya bukan hanya membuat keluarga merestui tetapi ikut serta.

"Pada mulanya memang mereka (ibu dan bapa) kurang sokong sebab wanita buat kerja berat. Tapi saya jenis saya nak buat, saya buat,"

katanya yang mula mempamerkan proses membuat rumah dari awal pada September 2021.

Bermula dari situ, malah selepas perkongsian pertamanya iaitu mengikat batu bata terus mencuri perhatian, Wani tidak menoleh ke belakang lagi. Katanya, perkongsian yang dibuat pada awal bukan bersifat keuntungan tetapi lebih kepada perkongsian.

"Saya aktif kongsi proses atau kerja ini bukan untu buat duit tapi lebih kepada kepuasan seorang wanita Melayu boleh hasilkan 'karya' sendiri (DIY) dan mungkin menjadi tarikan kerana jarang ada wanita Melayu buat kerja berat. Ia jadi satu kelainan.

"Dan dalam masa sama secara tidak sengaja memberi kesedaran atau idea buat orang di luar sana melakukan kerja-kerja DIY juga," katanya.

Di atas keseluruhan kerja kerasnya, Wani yang memberi inspirasi kepada banyak pihak dinobatkan menerusi Anugerah Digital Creator (Lifestyle) Tergempak 2025 di malam kemuncak Gempak Most Wanted Award 2025, hujung minggu lalu.

Bercakap mengenai rencana perkongsian selepas kemenangan dan sempena Ramadan, Wani memberitahu berminat untuk memberi tips-tips yang ringkas.

"Mungkin untuk buat tips sepanjang 30 hari sempena Ramadan susah sikit kerana saya juga mempunyai pekerjaan lain yang memerlukan saya out station, tapi mungkin untuk tips-tips mudah menceriakan rumah, saya cuba usahakan," katanya. - MALIAH SURIP



**Pengarah:** Kevin Williamson  
**Pelakon:** Neve Campbell, Courteney Cox, Mason Gooding, Jasmin Savoy Brown, Roger L. Jackson  
**Genre:** Seram

*Scream 7* (2026) mengisahkan Sidney Prescott (Neve Campbell) yang terpaksa kembali menghadapi teror Ghostface apabila pembunuh bertopeng baharu menyasarkan anak perempuannya. Setelah lama hidup tenang, Sidney perlu berhadapan dengan trauma masa lalu demi melindungi keluarganya daripada ancaman kejam yang mengaitkan sejarah lama.

**Pengarah:** Yuen Woo-Ping  
**Pelakon:** Blades Of The Guardians  
**Genre:** Aksi

Di padang pasir Gurun Barat, pengiring lagenda Dao Ma menerima tugas untuk melindungi seorang pemuda misteri, Zhi Shi Lang, dan membawanya selamat ke Chang'an. Namun perjalanan mereka segera bertukar menjadi medan maut apabila serangan hendap berlaku tanpa henti dan pakatan mula berubah, menjadikan misi itu jauh lebih besar daripada yang disangka.

Diburu oleh puak saudagar berpengaruh yang sedang bergolak, Dao Ma terpaksa mendedahkan identiti sebenar serta kepentingan misi tersebut, sementara setiap pertempuran memaksanya memilih antara kelangsungan hidup dan maruah, dengan takdir mereka akhirnya bergema hingga ke jantung empayar.

**Pengarah:** Indra Gunawan  
**Pelakon:** Kiesha Alvaro, Rebecca Kloppe, Ibrahim Risyad  
**Genre:** Drama/Romantik

Aisyah, seorang pelajar Indonesia di Singapura, penuh dengan impian tetapi menutup hatinya kerana luka ketika kecil. Takdir mempertemukannya dengan Liam, seorang pelajar senior yang peramah dan misteri serta mempunyai kesedihan yang tidak terucap. Pertemuan mereka di Kota Singa perlahan-lahan membangkitkan harapan, seolah-olah dua jiwa yang mengenali antara satu sama lain dalam diam akhirnya menemui jalan mereka. Namun, apabila cinta mula menjalin kemungkinan, kawan Aisyah - seorang lelaki yang sentiasa mencintainya dalam diam - datang ke Singapura, menggoncang keseimbangan yang baru dicipta.



## Assalamualaikum RaRa 2026 Meriahkan Kuala Terengganu

Astro kembali menghidupkan kemeriahan Ramadan menerusi penganjuran Assalamualaikum RaRa 2026 yang berlangsung di Masjid Seberang Takir, Kuala Terengganu dengan tema 'Bila Bersama Lagi Jadi'.

Acara yang menghimpunkan kira-kira 3000 pengunjung ini menampilkan barisan duta RaRa Astro iaitu Zizan Razak, Sharifah Shahirah, ALPHA dan Auddra, selain kehadiran selebriti, personaliti radio, rakan media serta komuniti setempat.

Pelbagai aktiviti dianjurkan termasuk 'Bekwoh RASA bersama Borak SeeNI', sesi rakaman MeleTOP x Tazkirah Malam Jumaat bersama Amin Idris, Fakrul UNIC, Namie, Ustaz Syed Mohd Norhisyam dan Ustaz Nabil Ahmad, serta persembahan nasyid oleh UNIC, ALPHA dan Mawi.

Program turut dimeriahkan dengan kemunculan Omar & Hana, Didi & Friends, serta aktiviti pentas penyampai radio ZAYAN dan GEGAR, di samping pertandingan khat, mewarna dan memanah.

Melalui inisiatif Astro Kasih, seramai 70 pelajar menyertai program Kem Solat bersama Mikael Noah serta finalis Muallim Muda seperti Anas dan Amar, yang memberi fokus kepada pembangunan rohani dan diri. Sebanyak 100 pek prihatin turut diagihkan kepada golongan memerlukan sebagai persediaan menjelang Ramadan.





## Astro Ceria Tampil Dengan Drama Adaptasi Komik Islamik Popular, Misi Solat Lima Waktu

Bersempena dengan bulan Ramadan, Astro Ceria tampil dengan drama yang diadaptasi daripada komik Islamik popular iaitu Misi Solat Lima Waktu.

Drama bersiri itu dibintangi oleh Mikael Noah, Natasha Nazira, Anugerah Anas, Elly Mazlen, Azhan Rani, Sweet Qismina, Adam Lee, Ryan Rifqi, Laura Olivia, Merah Muhaimin dan Datuk Razak Ahmad.

Misi Solat Lima Waktu juga merupakan karya Nazry Salam dan Nazrul Ali.

Misi Solat Lima Waktu sudah pun ditayangkan di Astro Ceria (saluran 611) sejak 20 Februari lalu, jam 2 petang dan boleh distrim di Astro Go serta sooka.

Drama ini mengisahkan tentang Imran (Mikael Noah) yang hanya pernah solat sebanyak tiga kali seumur hidupnya.

Dia berhadapan dengan cabaran untuk belajar solat selepas kedatangan Ustaz Azhar, iaitu guru ganti yang digeruni.



## Konsert AmbiVert Tour Cipta Momen Paling Istimewa Bersama Peminat, Raisa Terharu Datuk Siti Nurhaliza Hadir Beri Sokongan



Konsert Raisa AmbiVert Tour yang berlangsung di Zepp, Kuala Lumpur baru-baru ini bukan hanya sekadar hiburan sebaliknya menyaksikan perjalanan emosi seorang figura terkenal bernama Raisa.

Malam itu, Raisa membuktikan bahawa dirinya bukan hanya sebagai seorang penyanyi tetapi juga seseorang yang bercerita melalui setiap bait lagu.

Salah satu momen paling mengharukan adalah ketika Raisa mendedikasikan lagu buat arwah ibunya.

Tidak perlu banyak berkata-kata, emosi yang terpancar pada wajahnya sudah cukup untuk membuatkan peminat yang hadir sebak.

Bagaimanapun emosi sebak kemudiannya ditukar menjadi 'mood' gembira kembali apabila Raisa menyanyikan lagu rancak.

Terdapat satu lagi momen manis di Konsert Ambivert Tour apabila Raisa menyatakan rasa terharu kepada biduanita negara, Datuk Seri Siti Nurhaliza yang turut hadir memberikan sokongan pada malam tersebut.

Menurut Raisa, 36, dia berasa sangat gementar namun dalam masa sama teruja apabila menyedari figura hebat tersebut duduk di bangku penonton bagi menyaksikan persembahannya.

"Saya sebenarnya tengah berdebar sebab malam ini kita ada Datuk Seri Siti Nurhaliza. Selamat datang.

"Saya terkejut bila tahu Siti tahu lagu saya," katanya semasa konsert berlangsung.

Pengakuan spontan itu mengundang sorakan gemuruh lebih 2,000 penonton yang memenuhi ruang Zepp KL.

Bagaimanapun ada momen lucu yang terjadi apabila Raisa sempat berseloroh mengenai telatahnya di atas pentas yang perlu dikawal demi menjaga imej di hadapan Siti.

"Semoga saya dapat menjaga imej sepanjang persembahan, tiada jerit-jerit," selorohnya.

Malam penuh emosi tersebut menyaksikan Raisa mempersembahkan deretan lagu daripada album terbaharunya berjudul Ambivert, selain seleksi lagu-lagu hits yang menjulang namanya di rantau ini.

Lebih istimewa, Raisa turut mengambil kesempatan mengalunkan lagu terbaharunya berjudul Ku Harap Duka Ini Selamanya.

Pada malam itu juga, Raisa telah membawakan 22 lagu terbaiknya termasuklah, Semua Di Sini, Si Paling Mahir, Berpindah Hati, Awal Kisah Selamanya dan Bila duet bersama Barsena Bestandhi, Terserah, Serba Salah, Jatuh Hati, Mantan, Kali Kedua, Apalah dan banyak lagi.





## Cineman Pictures Ungguli UniDramaXRemaja, 'Bangkai' Raih Juara

Finalis UniDramaXRemaja, Cineman Pictures melakar sejarah yang tersendiri selepas berjaya dinobatkan sebagai juara untuk pertandingan tersebut.

Berjaya memikat hati juri menerusi karya Bangkai, pelajar-pelajar dari UiTM Puncak Perdana itu berjaya membawa pulang wang tunai berjumlah RM5,000, trofi dan sijil penghargaan.

Tempat kedua dimenangi oleh Cassano Heist Production dari Kolej & Politeknik Pulau Pinang menerusi karya Missing 7, yang membawa pulang wang tunai RM4,000 berserta trofi dan sijil penghargaan.

Manakala tempat ketiga menjadi milik Imiginasi Rembulan dari ASWARA yang menerima RM3,000, trofi serta sijil penghargaan.

Juri turut memberikan pengiktirafan khas menerusi Anugerah Pilihan Juri kepada drama One Night oleh 2311 dari ASWARA yang menerima wang tunai RM500 serta sijil penghargaan atas keunikan idea dan keberanian pendekatan penceritaan.

Sekadar info, nisiatif mikro-drama universiti, UniDramaXRemaja anjuran seeNI dengan kerjasama Remaja secara rasminya melabuhkan tirai menerusi acara Watch Party yang menghimpunkan enam kumpulan terbaik daripada lima institusi pengajian tinggi di seluruh negara.

Watch Party tersebut menyaksikan penyertaan daripada University of Cyberjaya, Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), UiTM Puncak Perdana, TVET UniRazak, Politeknik Seberang Perai serta Kolej Vokasional Sungai Petani. Keenam-enam kumpulan ini mempamerkan kekuatan penceritaan, keaslian idea serta keupayaan menghasilkan karya berimpak dalam format drama vertikal dan kandungan short form.

Pelbagai genre diketengahkan di peringkat akhir termasuk horror, horror komedi, drama dan romantik komedi. Kepelbagaian ini sekaligus menyerlahkan keberanian serta variasi suara generasi muda dalam mengolah naratif yang dekat dengan realiti, emosi dan pengalaman masyarakat masa kini.

Selari dengan objektif seeNI sebagai pentas baharu untuk pencipta muda mengilap bakat dan bercerita dengan berani, karya-karya yang dipertandingkan telah dinilai oleh barisan juri industri berpengaruh terdiri daripada Datuk Ahmad Izham Omar (Pengasas Komet Productions), Nik Amir Mustapha (Pengarah dan Penerbit Lumatic Films), Hj Md Fadzil Teh (Penerbit Zeel Productions), Adly Shairy Ramly (Ketua Thinker Studios) serta Nazihah Dalhar (Ketua Astro Gempak).



## Tun Laila

@yarafae 

### Kontrak Boleh Terbatal Sendiri? Ini Penjelasan Tun Laila

Mungkin ada antara kita yang masih tidak tahu atau berlaku salah faham mengenai kontrak khususnya melibatkan situasi kontrak boleh terbatal secara automatik walaupun telah ditandatangani.

Menurut peguam dan pengarah, Tun Laila dalam kehidupan seharian, seseorang akan terikat dengan pelbagai jenis kontrak, sama ada bersama majikan, rakan kongsi perniagaan, pelanggan atau pihak ketiga.

Namun begitu, tidak semua kontrak yang ditandatangani adalah sah di sisi undang-undang. Menerusi satu perkongsian video, Tun Laila memaklumkan sesebuah kontrak mempunyai beberapa elemen asas untuk dianggap sah.

Meskipun tidak menghuraikan kesemua elemen tersebut secara terperinci, dia menegaskan terdapat keadaan tertentu di mana kontrak boleh terbatal dengan sendirinya.

Ini bermakna kedua-dua pihak yang terlibat tidak lagi perlu melaksanakan tanggungjawab masing-masing seperti yang dipersetujui sebelum ini.

"Anda kena tahu yang contract ada beberapa elements, but I'm not going to go into the details of the element, but ada sesuatu situasi di mana contract yang anda tandatangan tu, boleh secara tiba-tiba terbatal. Contract tu boleh terbatal dengan sendirinya antara kau orang dengan orang lagi satu tu, di mana kau orang berdua dah tak perlu nak perform your duty in the contract.

"Contoh yang mudah. Contract antara you dengan Ali. Bukan nama sebenar. Ali dia nak you jualkan dadah untuk dia. That is the contract between you two lah, dia akan bayar kau bulan-bulan dan sebagainya. Itu adalah satu contoh contract yang akan terbatal dengan sendirinya, kenapa? Sebab perkara yang dijanjikan itu adalah sesuatu yang illegal. Sesuatu yang diharamkan dan tak dibenarkan di sisi undang-undang," katanya.

Mengulas dari sudut perundangan, Tun Laila memetik Seksyen 57 Akta Kontrak yang menyatakan:

"An agreement to do an impossible act in itself is void."

Ini bermaksud sebarang perjanjian untuk melakukan perbuatan yang mustahil atau menyalahi undang-undang adalah terbatal.

Tun Laila turut berkongsi istilah undang-undang "void ab initio", iaitu kontrak yang terbatal sejak awal, seolah-olah perjanjian itu tidak pernah wujud.

Sehubungan itu, Tun Laila menasihatkan orang ramai agar sentiasa memastikan setiap terma dan janji dalam kontrak melibatkan aktiviti yang dibenarkan undang-undang sebelum menandatangani sebarang perjanjian.

Hal ini penting supaya kedua-dua pihak boleh melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan sah, sama ada melibatkan bayaran, perkhidmatan atau jual beli sesuatu barangan.


Menurutnya, kontrak yang sah akan melindungi hak semua pihak dan mengelakkan sebarang masalah undang-undang di kemudian hari.






## Resignation Rejected Until Replacement Found

A Malaysian woman shared that her company refused to accept her resignation and told her she could only leave after she found someone to replace her. The post went viral, with many people online saying this practice shouldn't stop someone from quitting, while others pointed out that legally, employers cannot force staff to stay once resignation procedures are followed.



## Michelle Yeoh Gets Hollywood Walk Of Fame Star

Malaysian-born Oscar winner Michelle Yeoh made history again on 18 February 2026 by becoming the first Malaysian to receive a star on the Hollywood Walk of Fame in Los Angeles, honouring her decades-long career in film including roles in Crazy Rich Asians and Everything Everywhere All At Once.



## Aruwin Salehuddin Represents Malaysia At Winter Olympics

Alpine skier Aruwin Salehuddin is Malaysia's only athlete competing at the 2026 Winter Olympics in Milan-Cortina, making her second Olympic appearance after debuting in Beijing 2022.

At 21, she will represent Malaysia in the women's slalom and giant slalom events, continuing to make history for the country in a sport rarely seen from tropical nations.

Read more at [www.rojakdaily.com](http://www.rojakdaily.com).